



21 AUG, 2025

Keupayaan sedia air dan tenaga mencukupi - PM

Sinar Harian, Malaysia



Keupayaan sedia air dan tenaga mencukupi - PM

Antara tarikan utama kemasukan pelabur dalam bidang semikonduktor, pusat data serta AI ke Malaysia

HULU LANGAT

Keupayaan menghasilkan bekalan air dan tenaga mencukupi merupakan antara tarikan utama kemasukan pelabur dalam bidang semikonduktor, pusat data serta kecerdasan buatan (AI) ke Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia ditambah lagi dengan kemampuan negara menyediakan kepakaran tenaga kerja profesional, yang merupakan keperluan strategik utama yang menjadi tumpuan pelabur.

“Dua perkara ini (air dan tenaga) amat strategik dan saya nak tekankan bahawa kita tak akan dapat pertahan-kan kredibiliti Malaysia sebagai negara aman dan cekap, kalau hal-hal terkait air serta tenaga ini kita tak dapat selesaikan.

“Bukan sahaja penting sediakan (kemudahan air dan elektrik kepada pelabur), malah (bagaimana) kita kawal (harga) air serta tenaga itu pada harga munasabah dan tidak bebankan rakyat,” katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Langat Dua (LRA2), di sini pada Rabu.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Peralihan Tenaga



Anwar mendengar taklimat ketika hadir pada Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Langat 2, Hulu Langat pada Rabu.

dan Transformasi Air (PETRA).

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pengurusan air di Malaysia masih lagi berhadapan masalah pembaziran terutamanya berkait Air Tidak Terhasil (NRW), cara penggunaan serta kelemahan sistem saluran lama sehingga NRW jadi masalah besar.

Beliau berkata, Fadillah selaku menteri yang bertanggungjawab telah berbelas kali bangkitkan soal berkenaan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan hasil perbincangan bersama, isu itu akan menjadi antara keutamaan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Perdana Menteri berkata, dari aspek pengurusan air, menjamin ke-

selesaian dan memenuhi keperluan rakyat menjadi kepentingan utama kerajaan.

“Bagaimana satu negara dengan airnya melimpah, banjirnya dua, tiga kali setahun tapi ada masa tak cukup air, maknanya ada yang tidak kena bukan kerana kurnia ALLAH SWT tapi kerana kekurangan kepintaran manusia.

“Contohi macam Jordan yang hujan lebatnya mungkin dua kali, tiga kali setahun tetapi boleh menyimpan air untuk keperluan (sewaktu kekurangan air), jadi sebab itu, teknologi kita ini, bukan saja dari segi kecanggihan, tetapi memastikan penjimatan air itu berjalan,” kata beliau. - Bernama